



YPDR.08/4/1/3 (22)

19 hb. Oktober 2015

Yang Berhormat Tuan Rafizi Ramli

Ahli Parlimen Kawasan Pandan
d/a Dewan Rakyat
Parlimen Malaysia
KUALA LUMPUR

M.B. Tuam,

**RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN PEMISAHAN JAWATAN PERDANA
MENTERI DARI MENTERI KEWANGAN OLEH YANG BERHORMAT PANDAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada e-mel Yang Berhormat bertarikh 23 September 2015 berhubung dengan perkara yang tersebut di atas.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, saya telah meneliti Rang Undang-Undang Persendirian yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dan mendapati bahawa Rang Undang-Undang Persendirian tersebut tidak menepati kehendak Peraturan Mesyuarat 49(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu usul Yang Berhormat di atas hendaklah dikemukakan melalui pemberitahu secara bertulis dan bertandatangan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan Mesyuarat 27.

3. Rang Undang-Undang Persendirian tersebut juga tidak menepati kehendak Peraturan Mesyuarat 49(2) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat iaitu tidak selaras dengan Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [Akta 2] yang memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Perdana Menteri atau mana-mana Menteri lain untuk memegang jawatan lebih daripada satu fungsi atau tanggungjawab bagi sesuatu Kementerian atau perkara tertentu. Dalam hal ini, Rang Undang-Undang Persendirian yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tersebut adalah tidak menepati undang-undang Persekutuan sedia ada iaitu Akta 2.

...2/-

4. Oleh yang demikian, saya tidak dapat mengizinkan Rang Undang-Undang Persendirian Yang Berhormat untuk dibawa ke Majlis Mesyuarat.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat!

Tengku Dato' Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia
(TANSR DATUK SERI PANGLIMA PANDIKAR AMIN HAJI MULIA)